



DR. SHAMSUL BAHRI MD. TAMRIN (lima dari kiri) dan Dr. Kulanthayan KC Mani (tiga dari kiri) bergambar kenangan sempena Hari Siswazah FPSK UPM, baru-baru ini.

Cetus kejayaan universiti

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERMARTU

MAHASISWA perlu berperanan menyumbang kepada kejayaan serta pembangunan universiti, masyarakat dan negara.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman berkata, mahasiswa UPM mempunyai kekuatan tersendiri dan berjaya menempatkan universiti di peringkat antarabangsa.

"Mahasiswa UPM yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran

terutamanya perlu mempertingkatkan ilmu mengenai bidang ekonomi dan keusahawanan bagi membantu penjanaan ekonomi universiti dengan lebih baik pada masa depan.

"Mereka perlu menjadi ejen perubahan yang boleh mengubah ekonomi universiti ke satu tahap lebih hebat dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara," katanya ketika berucap merasmikan Hari Siswazah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UPM, baru-baru ini.

Yang turut



DR. AMER ALI MYDIN (kanan) bersama moderator, Pri Hansini Chaskar (kiri) mengupas dan membincangkan isu dalam bidang perniagaan.



SEBAHAGIAN daripada penuntut antarabangsa yang menjayakan Hari Siswazah FPSK.

hadir Timbalan Dekan FPSK, Prof. Dr. Shamsul Bahri Md. Tamrin; Penasihat Kelab Siswazah, Prof. Madya Dr. Kulanthayan KC Mani dan Pengerusi kelab itu, Pri Hansini Chaskar.

Sempena majlis itu, turut diadakan forum yang membincangkan topik menarik berkaitan pembangunan ilmu kesihatan dan keusahawanan peringkat global antaranya, kepimpinan sains dan teknologi serta perniagaan pelaburan.

Sesi forum itu, melibatkan dua tokoh terkemuka tanah air iaitu Ahli Fizik,

Prof. Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman dan tokoh perniagaan yang juga Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd., Datuk Wira Dr. Ameer Ali Mydin.

Sementara itu Mohd. Roslan berkata, ketidakseimbangan dalam pencapaian universiti harus diubah segera bagi memastikan UPM terus berdaya saing dan maju.

"Kerjasama antara universiti dan penuntut memberi implikasi besar kepada masa depan UPM sebagai sebuah universiti yang banyak melahirkan graduan pasca siswazah dalam pelbagai bidang pendidikan terutama dalam sains teknologi dan pertanian.

"Mahasiswa antarabangsa

UPM merupakan duta untuk mempromosikan nama, imej dan peranan universiti di peringkat antarabangsa.

Malah kata Mohd. Roslan lagi, peranan dan keaktifan penuntut pasca siswazah telah menjadi agenda dan matlamat kebanyakan universiti.

Sebabnya, universiti adalah institusi dunia yang universal dan penuntut



DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN

pasca siswazah penting untuk mengkomersialkan lagi sebuah universiti.

Hari Siswazah FPSK itu dihadiri kira-kira 1,000 siswazah termasuk penuntut antarabangsa fakulti itu.